



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PROGRAM PENYAMPAIAN HADIAH  
PERTANDINGAN PELITA *UPCYCLE* MALAM 7 LIKUR  
UNTUK SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DAN  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI SEBERANG  
PERAI BAGI TAHUN**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**24 JUN 2024 (ISNIN)  
11.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur Untuk Sekolah Rendah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seberang Perai Bagi Tahun 2024** pada pagi ini di Auditorium Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah yang menyertai Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur; rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.
3. Program Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur Untuk Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Seberang Perai bagi tahun 2024 merupakan pertandingan julung kali dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

4. Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk budaya kitar dan guna semula di kalangan pelajar dan pada masa yang sama menghidupkan semula tradisi malam tujuh likur.
5. *Upcycle* merupakan proses mengubah barangan yang tidak lagi digunakan menjadi satu produk yang baharu atau produk yang berkualiti dan bernilai. Kebaikan pelaksanaan *upcycle* ini ialah kita dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang di tapak pelupusan sampah serta mengurangkan pencemaran udara, pencemaran air dan juga pelepasan gas rumah hijau.
6. Program ini melibatkan sekolah menengah dan rendah kebangsaan sahaja. Hal ini kerana telah terdapat program khusus yang melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang turut dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.
7. Jumlah penyertaan bagi Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur bagi tahun 2024 adalah sebanyak 22 Sekolah Rendah dan 15 Sekolah Menengah di Seberang Perai. Setiap penyertaan terdiri daripada dua orang guru dan lima orang pelajar dan semua yang menyertai pertandingan ini akan mendapat sijil penyertaan.
8. Penilaian adalah dibuat melalui Video Tik Tok berdurasi tiga (3) minit yang dihantar kepada urusetia. Pemarkahan adalah berdasarkan enam (6) kriteria iaitu:

- i. Jumlah dan jenis barangan kitar semula yang digunakan (10 markah)
  - ii. Jumlah Pelita *Upcycle* yang digunakan (50 markah)
  - iii. Penerapan kesedaran kitar semula / *upcycle* (15 markah)
  - iv. Keadaan kebersihan kawasan sekolah (10 markah)
  - v. Video yang jelas dan bersesuaian (5 markah)
  - vi. Penggunaan bahan semulajadi (10 markah)
9. Bagi para pemenang, mereka akan membawa pulang hadiah wang tunai dan juga sijil penghargaan. Jumlah nilai hadiah ialah sebanyak RM7,800.00 dan seperti pecahan berikut:

TEMPAT	NILAI HADIAH (RM)	JUMLAH (RM)
Johan	RM1000 X 2	RM2000
Naib Johan	RM700 X 2	RM1400
Tempat Ke-3	RM500 X 2	RM1000
Tempat Ke-4	RM400 X 2	RM800
Tempat Ke-5	RM300 X 2	RM600
Saguhati	RM200 x 2	RM400
Saguhati	RM200 x 2	RM400
Saguhati	RM200 x 2	RM400
Saguhati	RM200 x 2	RM400
Saguhati	RM200 x 2	RM400
<b>JUMLAH</b>		<b>RM7800</b>

10. Saya mengambil kesempatan mengucapkan TAHNIAH & SYABAS kepada pemenang-pemenang Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur ini yang akan menerima hadiah sebentar lagi. Memanglah adat pertandingan, semestinya ada pemenang dan ada yang tidak menang. Bagi yang tidak menang, Insya Allah kekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Apa yang penting di sini adalah pengalaman dan kesedaran yang telah diperolehi yang amat bermakna bagi setiap peserta.
  
11. Diharap melalui Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur Untuk Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Seberang Perai bagi tahun 2024 ini mampu memberi impak dalam merealisasikan konsep penggunaan bijak (*Smart Consumption*) bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production dan Climate Action*. Selain itu, semua pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***